

## Elemen-elemen Pembelajaran Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah dan Impaknya

(Elements of Student-Centered Learning in the Teaching of Faith and Its Impact)

FATAHIYAH ELIAS, MOHD ISA HAMZAH\* & KHADIJAH ABDUL RAZAK

### ABSTRAK

*Transformasi pembelajaran masa kini menuntut guru-guru mengaplikasikan pendekatan pembelajaran yang memberi ruang kepada murid-murid meneroka ilmu dan menggilap potensi mereka. Usaha ini perlu sejajar dengan matlamat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan yang seimbang dari aspek akademik dan sahsiah diri. Kajian kes ini dilaksanakan bagi meneroka elemen-elemen yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) Akidah dalam kalangan murid sekolah rendah dan impaknya. Seramai lima orang guru PI sekolah rendah telah ditemubual secara mendalam di samping terlibat dalam pemerhatian dan analisis dokumen bagi meneroka amalan mereka dalam P&P Akidah. Data telah dianalisis secara tematik. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen utama yang terlibat dalam proses pembelajaran masa kini, iaitu ruang berfikir, interaksi dua hala dan kolaboratif. Impak pembelajaran berpusatkan murid dalam Akidah meliputi aspek pemerdayaan budaya intelek, pembentukan insan kamil dan pemantapan profesionalisme keguruan. Implikasinya, pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah juga melatih guru lebih bersedia dalam P&P, meningkatkan ilmu guru dan murid seterusnya menggilap potensi diri murid. Di samping itu, penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran agar lebih bermakna dalam penguasaan ilmu, kemahiran dan nilai turut diperolehi.*

*Kata Kunci: Elemen pembelajaran; pengajaran Akidah; pembelajaran berpusatkan murid; Pendidikan Islam; Sekolah rendah; Kajian kes*

### ABSTRACT

*Today's learning transformation requires teachers to apply learning approaches that provide space for students to explore knowledge and polish their potential. This effort must be in line with the goal of realizing the National Education Philosophy, which is to produce humans who are balanced in terms of academics and personality. This case study was conducted to explore the elements involved in the process of teaching and learning (P&P) of Akidah among primary school students and its impact. A total of five primary school Islamic Education teachers were interviewed in-depth as well as involved in observation and document analysis to explore their practices in the P&P of Akidah. Data were analyzed thematically. Findings indicate that there are three main elements involved in the current learning process, namely thinking space, two-way interaction and collaborative. The impact of student-centered learning in the Faith includes aspects of the empowerment of intellectual culture, the formation of perfect human beings and the strengthening of teacher professionalism. The study implies that student-centered learning in the teaching of Akidah also trains teachers to be more prepared in P&P, improving the knowledge of teachers and students and further polishing the potential of students. In addition, the improvement of teaching and learning to be more meaningful in the mastery of knowledge, skills and values are also obtained.*

*Key Words: Learning elements; teaching Akidah; student-centered learning; Islamic education; Primary school; Case study*

### PENGENALAN

Pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah merupakan antara pendekatan yang perlu diketengahkan. Pengajaran akidah sebagai tunjang utama dalam Pendidikan Islam (PI) perlu disampaikan secara berkesan mengikut panduan al-Quran dan al-

Sunnah. Namun, kualiti penyampaiannya perlu ditambahbaik dengan meneroka pendekatan yang kreatif dan inovatif secara berkesan di kelas (Ahmad Yunos 2011). Strategi, pendekatan, kaedah dan teknik juga perlu sesuai dan berkesan. Para ulamak juga telah menekankan bahawa pendidikan akidah diperkenalkan sebagai tunjang utama agama Islam dan asas keimanan

yang utuh kepada generasi muda. Bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-Shaibani 1979; B. Aisha Lemu 1991). Konsep pembelajaran berpusatkan pelajar pengajaran akidah perlu dijadikan sebagai pendekatan berkesan agar dapat memberi kefahaman yang jelas. Natiujahnya, ia dapat memberi kesan kepada emosi, perasaan dan jiwa tanpa keraguan (al-Asmar 2001).

Bagi meningkatkan unsur-unsur pembangunan insan yang sejajar dengan ajaran Islam, kurikulum PI dirangka dengan sebaiknya (Zakaria 2012). Elemen utama tersebut turut ditekankan dalam PPPM 2013-2025 sebagai subjek teras. Menurut al-Syaibani (1979), proses PI juga merupakan proses mengubah tingkah laku individu, masyarakat dan persekitaran melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Ia turut sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi Negara (Sufean Hussin, 2004) serta berdasarkan Rukun Negara (1970). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal bagi memenuhi dasar baharu di bawah PPPM 2013 – 2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Justeru, sebagai subjek teras, PI diharapkan berperanan dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi kepada masa depan negara.

Pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran oleh guru PI perlu lebih baik dan menarik sesuai dengan keperluan zaman era digital kini. Pemilihan proses P&P bukan sahaja untuk peperiksaan tetapi konteks strategi P&P perlu sesuai dengan keperluan tuntutan revolusi industri 4.0 kini. Justeru, satu kajian perlu dijalankan bagi meneroka elemen-elemen dalam amalan pembelajaran berpusatkan murid tentang Akidah dalam silibus KSSR. Dalam PI, matlamat penyampaian ilmu adalah berbeza. Ilmu yang abstrak memerlukan sentuhan guru sebagai pakar bidang agar pemahaman kandungan adalah lebih jelas (Mohd Aderi & Rohani 2009). Kaedah secara tradisional adalah lebih sesuai. Manakala dalam sesetengah bidang ilmu, kaedah moden seperti berpusatkan murid adalah lebih sesuai. Namun ia dilaksanakan secara pembelajaran teradun. Dalam pengajaran Akidah misalnya, walaupun dikategorikan dalam ilmu yang abstrak dan memerlukan sentuhan guru, pembelajaran secara berpusatkan murid masih boleh diaplikasikan memandangkan banyak kelebihan yang boleh dijana. Kesesuaian pembelajaran berpusatkan murid dalam Akidah adalah sejajar dengan firman Allah surah Yunus 10: 101, al-A'raf 7:185, surah ali 'Imran 3:189-190, surah Fusilat 41:53 dan surah Yassin 36:37-40. Ayat-ayat yang dinyatakan adalah berkaitan galakan kepada manusia supaya berfikir dan merenung tentang kekuasaan Allah SWT.

Namun timbul beberapa isu berkaitan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru PI khususnya dari aspek

guru PI masih kurang jelas dalam penyampaian ilmu mereka, pembelajaran berpusatkan murid masih belum merangsang minda murid, kurang berpusatkan murid, bersifat tradisional, kurang mengaitkan dengan realiti kehidupan dan murid kurang memahami kemahiran berfikir secara analitikal dalam subjek Akidah (Fatahiyah 2020; Abdul Halim 2016; Ahmad Yunus 2011; Bazliah 2012; Che Pee 1983; Mohamad Maliki, Maimun Aqsha & Mohd Aderi 2018; Mohd Farid 2016; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017; Nurul Asiah Fasehah 2015; Rosnani, Suhailah & Adesile 2014; Wan Mohd Nor 1989). Selain itu, guru PI juga dilihat kurang mahir dalam penggunaan ICT (Mardhiah, Zetty Norzuliana & Aslam Farhana, 2018) serta kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mempraktikkan pedagogi pendidikan (Siti Rashidah et. al. 2018).

Berdasarkan sorotan literatur, masih belum terdapat kajian berkaitan pembelajaran berpusatkan pelajar tentang Akidah yang meneroka berkaitan elemen-elemen utama yang diaplikasikan serta keistimewaan terhadap pelaksanaannya khususnya di sekolah rendah. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka tentang amalan pengajaran guru tentang Akidah dalam pembelajaran murid serta impaknya. Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah elemen-elemen utama yang diterapkan dalam amalan pengajaran guru tentang Akidah dalam pembelajaran murid?
2. Bagaimana amalan guru PI dalam pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid tentang pengajaran Akidah dapat memberikan impak kepada murid?

#### KONSEP PENDEKATAN BERPUSATKAN PELAJAR PENDIDIKAN ISLAM

Salah satu bentuk pendekatan masa kini yang ditekankan dalam P&P adalah pendekatan berpusatkan pelajar. Pendekatan ini mampu menarik minat murid untuk belajar. Mereka memainkan peranan secara aktif di kelas (Zakaria 2012). Secara amnya, dalam konteks KSSR yang digubal, pendekatan ini adalah memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Selain itu, pembelajaran berpusatkan murid turut memastikan murid dapat membuat pertimbangan serta melatih mereka lebih bertanggungjawab pada diri sendiri (Dewey 1993). Potensi pelajar juga mampu digilap dengan sebaiknya melalui pelbagai aktiviti yang dirancang oleh guru.

Pembelajaran berpusatkan murid juga berlandaskan teori konstruktivisme. Konteks pembelajaran konstruktivisme menekankan kepada murid membina sendiri pengetahuan. Murid juga digalakkan membina konsep sendiri dengan pengetahuan ilmu sedia ada dalam meningkatkan pemahaman mereka tentang ilmu dan idea baharu

(Burden & Byrd 2003). Secara umumnya, aktiviti-aktiviti yang menggunakan teori konstruktivisme adalah seperti berikut (Kamarudin & Sit Hajar 2003):

1. Murid berpeluang mengemukakan pandangannya tentang sesuatu konsep.
2. Murid berpeluang berkongsi persepsi antara satu sama lain.
3. Murid menghormati pandangan alternatif rakan-rakan mereka.
4. Semua pandangan murid dihormati dan tidak dipandang rendah.
5. Pembelajaran berpusatkan murid.
6. Aktiviti berasaskan 'hands-on' dan 'minds-on'.
7. Mementingkan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir.
8. Murid mengaplikasikan idea baharu dalam konteks yang berbeza untuk mengukuhkan kefahaman idea tersebut.
9. Murid menghubungkan kait idea asal dengan idea yang baharu dibina.
10. Murid digalakkan mengemukakan hipotesis dan menerangkan teori.
11. Guru mengemukakan soalan yang boleh merangsangkan murid mencari jawapan.
12. Guru tidak menyampaikan maklumat secara terus kepada pelajar.
13. Guru banyak berinteraksi dengan murid lain dan guru.
14. Guru prihatin terhadap keperluan, kebolehan dan minat murid.
15. Murid beraktiviti dalam kumpulan.

Peranan guru dalam pembelajaran berpusatkan murid pula ialah bertanggungjawab terhadap keperluan murid. Guru juga perlu kreatif dalam mempelbagaikan gelagat dalam suasana pembelajaran. Ia meliputi aspek menyusun persekitaran fizikal untuk bersemuka dan interaksi dua hala di kelas sama ada guru dengan murid dan murid dengan dengan murid Withall (1985). Guru dan murid-murid perlu memastikan suasana kelas menjadi hidup dengan aktiviti-aktiviti yang disusun dalam P&P. Guru juga menjadi perantara kepada murid dalam usaha membentuk peribadi para pelajar dan menjadi *role model* terbaik kepada murid (Zakaria 2012). Murid juga diberi peranan untuk meneroka ilmu untuk mengkaji maklumat dan mencari konsep. Perjalanan P&P kelas juga adalah bersifat fleksibel dalam suasana terkawal (Fatahiyah 2020).

Secara umumnya, proses P&P secara konstruktivisme yang dilaksanakan dalam pengajaran Akidah menggariskan matlamat melahirkan generasi muslim melalui akidah yang mantap. menurut Abdul Salam (2003), teori pengajaran akidah Abdullah Nasih Ulwan yang menekankan aspek bimbingan mengenal Allah, menanam rasa kehambaan dan mendidik agar mengingati Allah merupakan cara terbaik membentuk

kemenjadian murid. Proses demikian merupakan intipati penting penyampaian ilmu pengetahuan yang

dipertanggungjawabkan kepada guru PI sebagai pembentuk jiwa insan seperti yang terkandung dalam matlamat akhir PI iaitu melahirkan insan soleh (Alavi 2008). Menurut Ahmad Munawar & Kamarul Azmi (2016), cerminan akidah dapat membentuk jati diri terbaik di sisi Allah SWT. Dalam program Tarnsformasi Sekolah 2025 (TS25), matlamat melahirkan insan unggul melalui suasana pembelajaran, kepimpinan berkualiti, guru kompeten dan berinspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu turut diketengahkan.

Kajian pembelajaran Akidah berfokuskan murid yang diketengahkan oleh beberapa pengkaji menghuraikan bahawa murid perlu dibimbing oleh guru PI dalam meneroka Akidah iaitu melihat kepada kebesaran Allah melalui ciptaanNya di alam ini. Menurut kajian yang diketengahkan oleh Fatahiyah (2020), proses penerokaan ilmu akidah berfokuskan murid membantu meningkatkan penghayatan beragama kepada murid-murid dari aspek menerapkan sifat ubudiyah mereka. Dalam kajian berkaitan persepsi guru berkaitan pembelajaran akidah secara berfokuskan murid iaitu pengajaran dan pemudahcaraan, pencapaian akidah murid-murid dapat dikenalpasti melalui tuntutan fardhu ain, aspek kemahiran berfikir, berlaku penyelewengan akidah, berlaku amalan ajaran sesat dan menjadikan amalan al-Quran sebagai amalan seharian (Mohd Maliki, Maimun & Mohd Aderi 2018). Pembelajaran Akidah berfokuskan murid perlu melalui pelbagai kaedah dan teknik yang kreatif mengikut tahap mereka. Antaranya ialah hikmah kebijaksanaan, nasihat yang baik, rehlah, pengulangan, bersoal-jawab dan perumpamaan (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017).

#### PENGAJARAN AKIDAH

Cerminan akidah yang mantap mempengaruhi pembentukan jati diri manusia ke tahap yang lebih baik di sisi Maha Pencipta (Ahmad Munawar & Kamarul Azmi 2016). Justeru, PI di Malaysia disusun agar umat Islam berpegang kepada fahaman yang betul dan sahih iaitu berpandukan sumber al-Quran dan al-Sunnah disertakan dengan amalan. (Ahmad Munawar & Kamarul Azmi 2016). Strategi pengajaran Akidah yang sesuai adalah perlu bagi mengisbatkan dan mengesakan Allah Ta'ala. Usaha ini wajib dilakukan bagi meningkatkan keyakinan terhadap Allah SWT.

Kefahaman berfikir adalah perlu dalam pegangan akidah muslim yang diperkukuhkan dengan dalil-dalil naqliyah dan aqliyah. Kefahaman berfikir yang bersumberkan wahyu dapat menghilangkan kekeliruan. Akidah seseorang muslim perlu diterima

dan difahami dengan rela hati (Ahmad Yunus 2011). Justeru, penyampaiannya perlu lebih mudah di samping intipati adalah dipelihara dengan sebaiknya. Impak terbaik kepada akal manusia sekiranya bahasa yang mudah digunakan, bukti, idea bernas dan penggunaan ayat-ayat al-Quran yang relevan dengan tajuk (Ahmad Yunus 2011; al-Zendani 2008).

Pengajaran akidah dalam konteks subjek pendidikan Islam di Malaysia menekankan aliran akidah ahli Sunnah wal al-Jamaah (Mudasir 1998). Aliran ini juga merupakan teras utama dalam pendidikan Islam di peringkat KSSR dan KSSM (KPM 2015). Penekanan pengajaran di peringkat menengah adalah berfokus kepada penajanaan berfikir melalui kefahaman akidah Islamiyah seterusnya meyakinkannya sebagai tunjang kehidupan. Di peringkat rendah pula, objektif yang ditetapkan adalah berkaitan keyakinan dan asas-asas akidah untuk diamalkan. Objektif pengajaran akidah secara mendalam adalah dari aspek penguasaan ilmu, amali, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan (KPM 2017, Fatahiyah 2020).

Pengajaran akidah dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia turut menekankan konsep pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai, menstruktur untuk mengambil pengajaran, mencipta, pengiktibaran dan peringatan (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017). Konsep ini seiring dengan pendekatan yang ditekankan oleh sumber Al-Quran dan pendekatan yang dibawa oleh Iman al-Ghazali berkaitan pendidikan Akidah yang dibentuk dalam diri murid-murid. Ia meliputi proses menghafal, memahami dan menghayati. Natijah kepada pendekatan ini, murid yang mempunyai kekuatan akidah yang mantap dan berkualiti dapat dilahirkan.

Pendekatan dan prinsip pengajaran Akidah perlu menekankan aspek kesesuaian kandungan dan berdasarkan tahap berfikir murid-murid. Di samping itu ia turut mengaplikasikan kepelbagaian kaedah dan pendekatan pengajaran serta mementingkan ciri-ciri dan tahap kebolehan murid-murid agar mereka dapat memahami dan menghayati ilmu tersebut. Menurut Shulman (1987), aspek tersebut adalah memenuhi konsep pengetahuan pedagogikal kandungan yang mementingkan kefahaman guru untuk menjelaskan kandungan ilmu untuk disampaikan kepada murid-murid, kreatif dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid-murid daripada pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi subjek (Ahmad Yunus 2011). Kefahaman yang jelas tentang akidah seterusnya dapat dihayati dalam konteks kehidupan dapat direalisasikan melalui penerapan isi kandungan akidah yang mantap seperti yang diketengahkan oleh al-Nahlawi (1980) (Ahmad Yunus 2011).

## METODOLOGI

### REKA BENTUK DAN PEMILIHAN PESERTA

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes (Merriam, 1998; Miles & Huberman, 1994; Patton, 1990) yang melibatkan guru-guru PI yang mengajar di sekolah rendah di Malaysia. Kajian kes dipilih kerana sesuai dalam meneroka elemen pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah oleh guru PI dan impaknya.

Lima orang peserta yang dipilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan dan teknik *snowball*. Cadangan nama adalah berdasarkan syor yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Pembangunan Kurikulum. Para peserta kajian adalah terdiri daripada guru-guru cemerlang dan bekas guru cemerlang, jurulatih utama peringkat negeri dan kebangsaan serta pakar dalam bidang. Pengkaji meletakkan nama samaran kepada setiap peserta kajian yang terlibat bagi memenuhi etika kajian.

Pelaksanaan kajian ini telah melalui proses kelulusan oleh Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan (BPDPP), Kementerian Pendidikan Malaysia. Kelulusan tersebut dijadikan bukti untuk menjalankan kajian kepada peserta yang terlibat. Pengkaji seterusnya mengemukakan kelulusan tersebut ke peringkat Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang berkaitan. Proses pengumpulan data seterusnya dilaksanakan setelah kelulusan diperolehi.

### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data yang utama iaitu temu bual mendalam dan analisis dokumen. Kajian ini turut menggunakan triangulasi sumber bagi mengukuhkan dapatan data iaitu ketua panitia. Temu bual melibatkan lima orang peserta kajian bagi meneroka elemen yang diperolehi daripada amalan berpusatkan murid tentang Akidah iaitu setelah mencapai titik ketepuan. Kaedah analisis dokumen yang digunakan dalam kajian ini melibatkan dokumen seperti rancangan pengajaran, alat bantu mengajar dan sebagainya. Pengkaji perlu kreatif dalam meneroka dokumen-dokumen yang terlibat (Othman Lebar, 2015). Proses pengumpulan data mengambil masa selama setahun bagi memastikan kajian mempunyai data yang mencukupi untuk dianalisis. Tempoh masa yang lama merupakan antara ciri kredibiliti data kajian (Creswell & Miller, 2000). Menurut Othman Lebar (2015), hal demikian menunjukkan data kajian melalui proses yang teliti.

Jadual 1 berikut ialah protokol temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam melaksanakan proses temu bual kajian.

JADUAL 1. Protokol temu bual

| Kategori  | Soalan dan Senarai semak pengkaji dalam skop kategori  |
|---|--|
| Latar belakang GCPI   | 1. Bolehkah ustaz/ ustazah jelaskan sedikit latar belakang, umur, keluarga, pendidikan dan ikhtisas dan pengalaman dalam pendidikan  |
| Senarai semak pengkaji  | <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Umur</li> <li>○ Latar belakang keluarga</li> <li>○ Tahap pendidikan <ul style="list-style-type: none"> <li>● Sekolah rendah</li> <li>● Sekolah menengah</li> <li>● Peringkat tinggi</li> </ul> </li> <li>○ Program pendidikan</li> <li>○ Pengalaman pendidikan <ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebagai guru (penjawat awam)</li> <li>● Sebagai guru sekolah</li> <li>● Sebagai guru cemerlang</li> <li>● Pengiktirafan dan anugerah kecemerlangan</li> <li>● Tugas lain selain guru akademik</li> </ul> </li> </ul>  |
| Perspektif guru PI terhadap pelaksanaan pendekatan berpusatkan pengajaran Akidah          | <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Apakah yang ustaz/ ustazah tahu dan faham tentang pelaksanaan pendekatan berpusatkan murid?</li> <li>3. Bolehkah jelaskan, apa yang difahami berkaitan ciri-ciri penting pendekatan berpusatkan murid?</li> <li>4. Berdasarkan pengalaman sebagai pendidik, apakah pendapat ustaz / ustazah tentang pendekatan berpusatkan murid dalam Pengajaran Akidah?</li> <li>5. Bagaimanakah ustaz/ustazah dapat memastikan aktiviti yang dilaksanakan berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah?</li> <li>6. Pada pandangan ustaz / ustazah adakah pendekatan berpusatkan murid mampu menarik minat murid di kelas?</li> <li>7. Bagaimanakah mendapat maklumat berkaitan pendekatan berpusatkan murid?</li> <li>8. Adakah ustaz / ustazah diberi pendedahan secara formal berkaitan pendekatan berpusatkan murid PI?</li> </ol> |
| Senarai semak pengkaji  | <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Murid belajar secara aktif</li> <li>○ Komunikasi dua hala</li> <li>○ Guru sebagai pembimbing dan fasilitator</li> <li>○ Kolaboratif</li> <li>○ Melatih murid yakin</li> <li>○ Guru memberikan sumbang saran</li> <li>○ Guru bertindak secara demokrasi</li> <li>○ Menarik minat pelajar</li> <li>○ Penerapan kemahiran insaniah</li> </ul>  |
| Keistimewaan dan impak pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah | <ol style="list-style-type: none"> <li>9. Bagaimanakah ustaz / ustazah memahami keistimewaan dan impak pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah?</li> <li>10. Semasa di kelas, bagaimana ustaz / ustazah meneliti kesan pelaksanaan tersebut?</li> <li>11. Bagaimanakah ustaz / ustazah memastikan murid-murid merasa seronok dengan perjalanan kelas yang telah dilaksanakan?</li> <li>12. Bagaimanakah ustaz/ustazah memberi bimbingan semasa di kelas sehingga murid memahami isi kandungan akidah yang dipelajari?</li> <li>13. Bagaimanakah ustaz/ustazah memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan memberi impak kepada perkembangan murid-murid?</li> <li>14. Bagaimanakah ustaz/ustazah memastikan murid di kelas belajar secara aktif dan menjadikan suasana kelas hidup?</li> </ol>   |
| Senarai semak pengkaji  | <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Guru sebagai perancang</li> <li>○ Guru sebagai pelaksana</li> <li>○ Guru sebagai pengawal</li> <li>○ Guru sebagai pembimbing</li> <li>○ Guru sebagai penilai</li> <li>○ Murid sebagai pembelajar aktif</li> <li>○ Intelektual</li> <li>○ Modal insan kamil</li> <li>○ Profesionalisme keguruan</li> </ul>   |
| Kesimpulan dari sudut peserta kajian  | 15. Apakah kesimpulan yang ustaz / ustazah dapat jelaskan daripada pelaksanaan pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran Akidah? Atau rumusan keseluruhan.   |
| Senarai semak pengkaji  | Aspek kesan, cadangan, harapan dll   |

## KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini melibatkan dua tahap analisis iaitu tahap awal dan pengkodan. Analisis awal yang dilaksanakan setelah fasa temu bual pertama selesai. Selepas itu, pengkaji mendengar semula rakaman audio di samping merujuk nota lapangan bagi mengukuhkan kefahaman. Proses ini bagi memastikan aspek penting yang diteroka dikenal pasti sebelum proses perbandingan dilaksanakan. Proses perbandingan adalah bertujuan mengenalpasti ciri persamaan dan perbezaan yang wujud antara dua set temu bual dan mengikut perkembangan dapatan data.

Proses pengkodan digunakan untuk tahap seterusnya. Berdasarkan Corbin & Strauss (2008), proses pengkodan secara induktif dimulakan dengan pengkodan secara terbuka (*open coding*), pengkodan selari (*axial coding*) dan pengkodan terpilih (*selective coding*). Kod-kod yang pelbagai dan banyak dikeluarkan berdasarkan pelbagai dimensi pengkaji

iaitu membaca mengikut perenggan-perenggan kandungan data seterusnya memberi makna kepada data tersebut. Setelah itu, pengkaji membuat kategori kod (*code group*) sebelum penentuan tema dilakukan. Pengkaji menamakan beberapa kategori yang sesuai. Kod-kod yang disenaraikan dimasukkan di dalam kategori tersebut. Proses seterusnya adalah menentukan tema akhir berdasarkan kategori yang diperolehi dan persoalan serta objektif yang ditetapkan. Tema akhir yang muncul dirujuk kepada empat pakar dalam metod kualitatif yang telah dilantik.

Kajian ini melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan data iaitu melibatkan proses triangulasi metod dan sumber, jangka masa yang lama di lapangan, semakan rakan pengkaji, pengesahan peserta kajian terhadap transkrip temu bual dan huraian bias. Umumnya, langkah ini digunakan agar data yang diperolehi dapat diperkukuhkan dan lebih sesuai seterusnya memenuhi persoalan kajian.

JADUAL 2. Tema keseluruhan hasil dapatan kajian

| Tema                                | Sub-tema  |
|-------------------------------------|---|
| Ruang berfikir                      | Dorongan berfikir<br>Melatih berfikir untuk mengenal Allah<br>Berpikir tentang kejadian alam<br>Berpikir serta membuat banding beza                             |
| Interaksi dua hala                  | Penerapan amalan komunikasi<br>Menjana idea<br>Perbincangan dalam kelas<br>Murid aktif<br>Aplikasi teknik penyolaan<br>Kolaboratif dengan rakan dan pesekitaran |
| Pemerkasaan Budaya Intelek          | Ilmu murid diperkukuhkan<br>Mencungkil idea<br>Pembelajaran berdasarkan pengalaman  |
| Pembentukan Insan Kamil             | Kemenjadian murid<br>Perubahan sikap murid<br>Melahirkan insan soleh  |
| Pemantapan Profesionalisme Keguruan | Guru lebih prihatin<br>Guru sebagai motivator<br>Merapatkan jurang antara guru-murid  |

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini memberi fokus kepada dua perkara penting bagi menjawab dua persoalan kajian yang ditentukan berdasarkan objektif kajian, iaitu elemen-elemen pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pengajaran akidah dan impaknya. Jadual 2 memaparkan keseluruhan hasil dapatan kajian.

## ELEMEN-ELEMEN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN AKIDAH

Beberapa elemen yang boleh dikenalpasti dalam pembelajaran berpusatkan pelajar pengajaran akidah. Berdasarkan amalan dan pengalaman lima peserta

kajian yang telah ditemui, beberapa elemen utama berjaya dikenalpasti. Antaranya ialah menekankan budaya berfikir dalam kalangan murid. PK1,PK2,PK3,PK4 dan PK5 sentiasa menggalakkan murid menggunakan akal dalam memikirkan kejadian alam. Hal ini bagi memantapkan pemahaman mereka tentang kejadian alam semesta dan makhluk ciptaan Allah Taala. Contoh paling hampir adalah hakikat kejadian manusia itu sendiri.

## Ruang berfikir

Peserta kajian menyatakan lebih gemar mendorong anak muridnya berfikir dan memberi pandangan

semasa pembelajaran berlangsung; “*murid akan mengeluarkan idea-idea, aaaa maklumat-maklumat, pandangan masing-masinglah*” (PK1/U Ayyaz/TB1). Seterusnya, peserta kajian lain juga turut berpandangan elemen berfikir tentang kejadian Allah merupakan unsur penting dalam pengajaran Akidah. Namun ia berpandukan hadis Rasulullah SAW; “*konsep nak ajar akidah ni, kita berpandukan pada hadis nabi “tafakkaru fi kholqillah wala tafakkaru fi zaatillah”..ok, makna kita ajak budak memikirkan tentang kejadian Allah..ok, bila kita nak terang ke satu benda, sebab akidah ni bila silap kita ajar, orang tidoq..*” (PK1/U Shah/TB1).

Galakan berfikir juga turut ditekankan oleh peserta kajian seterusnya yang menjadikan gambaran di sekeliling murid sebagai contoh yang paling hampir dan mudah untuk menggalakkan murid-muridnya berfikir; “*awak fikirkan pulak pada masa akan datang awak pulak sendiri dalam keadaan..kita tak tahu..apa akan kita jadi nanti2 kan?haa...apa yang awak akan jadi nanti awak gambarkan..tu cerita lain pulak..aa tu daripada Qadha Qadar tajuk tu lah...tu hot seat..kalau yang..lain lagi macam2 la..*” (PK5/U Lea/TB1).

Ruang berfikir dalam pengajaran akidah menjadi amalan dalam pembelajaran peserta kajian lain khususnya yang menyentuh aspek alam sekeliling; “*dalam akidah ni kita beri mereka ruang untuk mereka berfikir..untuk mencari contoh-contoh yang ada dalam alam sekitar*” (PK4/U Asma/TB1). Beliau turut memberi contoh secara spesifik bagaimana amalan berfikir diterapkan dalam pengajaran akidah; “*Apa dia benda dalam laut besarr sangat..?tapi, walaupun dia besar, awak tak pernah dengar suara dia..kalau awak duduk kat Malaysia ni..kan..nanti budak..macam-macam..dia akan menarik minat diorang pada nak explore*” (PK4/U Asma/TB1). Peserta kajian seterusnya meminta murid-murid terlebih dahulu mengamati kejadian alam sebagai usaha membudayakan amalan berfikir seperti kejadian langit yang tidak bertiang dan sebagainya serta membanding beza; “*langit tu bocor ke tak, retak ka? Ada tiang ka?tak dak..macam mana Allah buat tu?Ilmu Allah Taala..sifat ilmun Allah taala tu ada tahap kamu tak?*” (PK5/U Lea/TB1).

Elemen ruang berfikir dalam pembelajaran secara berfokuskan murid bidang akidah adalah sejajar dengan kajian oleh Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2017; Fatahiyah 2020 yang menekankan aspek berfikir adalah perlu ditekankan dalam pembelajaran berpusatkan murid bidang Akidah. Namun, guru perlu memainkan peranan utama dengan memberikan bimbingan. Aspek bimbingan berfikir adalah penting agar murid tidak terpesong dalam memahami akidah ahlu sunnah wal jamaah yang sebenar. Murid-murid perlu diterapkan penghayatan beragama dalam ruang lingkup yang betul di samping dapat memelihara mereka daripada penyelewangan dan ajaran sesat.

## Interaksi Dua Hala

Dapatan kajian juga turut mengenalpasti interaksi dua hala antara murid juga turut berlaku. Elemen ini menunjukkan bahawa murid-murid diterapkan amalan berkomunikasi semasa proses P&P dilaksanakan. Peserta kajian menegaskan interaksi dua hala antara murid membantu menjana idea dan maklumat serta tugas dapat diselesaikan dengan sebaiknya; “*berlaku perbincangan antara murid dengan murid itu di mana murid akan mengeluarkan idea-idea, aaaa maklumat-maklumat, pandangan masing-masinglah dan juga menunjukkan kreativiti mereka sendiri dalam menyelesaikan tugas yang diberikan*” (PK2/U Shah/TB1).

Komunikasi dua hala ini memberi kesan yang lebih baik kepada pengajaran Akidah serta menarik minat murid dalam kelas. Biasanya, dalam pengajaran akidah, interaksi dua hala sering menggunakan kaedah perbincangan pembelajaran di kelas; “*Untuk pelajaran aqidah ini biasanya kita buat perbincangan kumpulan bagi tajuk kepada mereka... contohnya Allah bersifat ilmunkan (Allah itu maha berilmu)*” (PK1/U Ayyaz/TB1). Murid-murid menjadi aktif dalam pembelajaran mereka. Bagi mewujudkan interaksi dua hala secara aktif, peserta kajian turut menggunakan teknik penyoalan kepada murid-murid; “*banyak teknik penyoalan..sebenarnya dalam berpusatkan murid ni kan..? sama ada soalan yang kita bagi tu, kita bagi dalam bentuk kertas kepada budak dan diorang bincang, keluarkan soalan2 ke..macam tu*” (PK4/U Asma/TB1). Kelas juga menjadi hidup dan aktif; “*budak akan bertanya.memang akan riuh lah kalau mereka bertanya..ustzh kenapa macam ni?*” (PK3/U Ani/TB1).

Elemen kolaboratif turut dikenalpasti dalam pembelajaran berpusatkan pelajar akidah. Murid-murid dilatih agar berkolaboratif dengan rakan-rakan. Malah murid-murid juga turut berkolaboratif dengan persekitaran sekeliling. Murid-murid didedahkan dengan suasana di luar bilik darjah; “*Selalu lepas rehat selepas perhimpunan, saya panggil depa beratur siap-siap kat bawah, jom ikut saya, ‘pi mana’ depa Tanya..ikut lah..pusing..lepas tu naik atas saya Tanya, Nampak tak kamu tengok bawah, kamu tengok atas..apa yang kamu Nampak ciptaan Allah yang kamu tak boleh buat?*” (PK5/U Lea/TB1). Kolaboratif dengan persekitaran menjadikan murid lebih seronok mengikuti pembelajaran. Kolaboratif antara murid-murid juga melatih mereka untuk saling membantu menyiapkan tugas yang diberikan. Secara tidak langsung dapat menggilap potensi murid-murid.

Sejajar dengan pendapat Withal (1991), guru perlu kreatif dalam menguruskan murid-murid di kelas agar suasana pembelajaran lebih menyeronokkan. Di samping itu, interaksi dua hala turut membentuk peribadi para pelajar. Bertepatan dengan kajian Zakaria

(2012), yang menekankan guru sebagai perantara kepada murid dalam usaha membentuk peribadi pelajar dan menjadi role model terbaik kepada murid-murid. Murid juga diberi peranan untuk meneroka ilmu untuk mengkaji maklumat dan mencari konsep. Perjalanan P&P kelas juga adalah bersifat fleksibel dalam suasana terkawal sebagaimana yang diketengahkan dalam kajian Fatahiyah (2020).

#### IMPAK PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN AKIDAH

Aplikasi pembelajaran berpusatkan murid memberi impak yang pelbagai iaitu pemeraksanaan budaya intelek, pembentukan insan kamil dan pemantapan profesionalisme keguruan.

#### Pemeraksanaan Budaya Intelek

Pemeraksanaan budaya intelek adalah dari aspek mengukuhkan ilmu murid yang terlibat dalam pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah. Kemahiran berfikir diterapkan seterusnya mengukuhkan ilmu mereka. Berdasarkan pendapat ustaz Ayyaz, “..jadi, daripada situ ilmu depa tu saya rasa, jadi lebih mantap untuk..untuk..aspek akidah dan juga bidang-bidang yang lain..” (P1/U.Ayyaz/TB1). Penjelasan beliau menunjukkan pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah memberi banyak impak terbaik kepada murid dalam mendalami ilmu akidah. Ilmu akidah yang mantap dapat ditanam seawal di peringkat rendah lagi (Abdul Salam 2003).

Di samping itu, pembelajaran berpusatkan murid juga dapat mencungkil idea murid secara mendalam sama ada melalui pengalaman atau aktiviti. Ingatan dan ilmu mereka juga makin bertambah baik. Jelas ustazah Mas, “..lepas tu dia akan ingat..bila kita cungkil sikit dia akan cerita lagi cerita lagi..” (D 5: P3/U.Mas /01032018/TB1). Melalui pendekatan ini, murid-murid mengalami pembelajaran berdasarkan pengalaman. Tambahan pula, mereka turut melakukan tugas mereka sendiri secara ‘hands on’. Ia turut membantu murid memahami secara lebih jelas tentang konsep akidah yang dipelajari.

Dapatan ini sejajar dengan pembelajaran berpusatkan murid dalam akidah turut membantu memantapkan kefahaman dan keyakinan akidah secara sah dan betul berpandukan sumber al-Quran dan al-Sunnah yang disertakan dengan amalan. Menurut Ahmad Munawar & Kamarul Azmi (2016) Cerminan akidah yang mantap dapat membentuk jati diri manusia ke tahap yang lebih baik dan yakin. Justeru, ia memerlukan strategi pengajaran akidah yang sesuai dalam mengisbatkan Allah SWT ke tahap yang lebih yakin. Penyampaian juga perlu lebih mudah yang dapat memberi impak terbaik kepada akal berfikir. Aspek ini turut bertepatan dengan pandangan Ahmad Yunus (2011) dan al-Zendani (2008) yang menekankan

bahasa, bukti, idea bernas dan penggunaan ayat al-Quran perlu relevan dengan konteks tajuk.

#### Pembentukan Insan Kamil

Pembelajaran berpusatkan murid turut membentuk insan kamil. Pembentukan insan kamil turut berkait dengan kemenjadian murid. Menurut ustazah Asma, kemenjadian murid dikaitkan dengan sejauh mana proses pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan Akidah sebagai pegangan hidup dan keimanan. Pendapat beliau, “..Kemenjadian murid ni ialah tentang akidah ni kita betulkan tauhid dia. Kemenjadian murid yang pertama untuk akidah, beri dia input tentang bagaimana keimanan yang sepatutnya..” [P4/U.Asma/TB2]. Ustazah Asma turut menjelaskan ia juga berkait dengan perubahan sikap dan tingkah laku murid-murid. Jelasnya, “..Yang kedua perubahan tingkah laku tu la. Berubahnya murid tu dari segi nilainya, bentengnya..” (P4/U.Asma/TB2). Matlamat akhir kepada pengajaran Akidah khususnya murid-murid di sekolah rendah bukan sahaja murid dapat menghafal konsep Akidah, tetapi mampu mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan mereka seharian.

Selain itu, kemenjadian murid juga merujuk kepada usaha melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dari aspek akademik sahaja, malah dari aspek sahsiah diri. Menurut ustazah Azy, matlamat dalam PI adalah melahirkan insan yang soleh dan seimbang. Jelas beliau, “..kemenjadian murid.. at the end PI, dia nak murid tu jadi seorang hamba yang soleh..itu at the end..betul tak?..” (P6/U.Azy/TB1). Justeru, matlamat ini perlu direalisasikan melalui proses pembelajaran PI yang berkesan sama ada di bilik darjah mahupun di luar bilik darjah.

Impak kemenjadian murid turut sejajar dengan matlamat akhir dalam PI iaitu melahirkan insan soleh. Ia turut seiring dengan cerminan akidah yang dapat membentuk jati diri terbaik di sisi Allah SWT yang diketengahkan oleh Ahmad Munawar & Kamarul Azmi (2016). Generasi muslih dapat dilahirkan melalui ajaran akidah yang mantap. Dalam teori pengajaran akidah Abdullah Nasih Ulwan, tiga metod utama ditekankan iaitu membimbing murid mengenal Allah, menanam rasa kehambaan dan mendidik agar mengingati Allah SWT. Teori yang diketengahkan tersebut mampu membentuk insan kamil yang mampu membezakan aspek baik dan buruk (Abdul Salam 2003). Membezakan aspek baik dan buruk merupakan asas penting penyampaian ilmu pengetahuan kerana ia dipertanggungjawabkan kepada guru PI sebagai pembentuk kemenjadian murid. Kemenjadian murid yang diketengahkan turut mewujudkan rasa kehambaan dan peranan manusia sebagai khalifah yang mengimarahkan muka bumi. Aspek kemenjadian murid turut seiring dengan matlamat tertinggi dalam



pendidikan Islam iaitu sifat ketaatan kepada Allah SWT yang dijelaskan oleh Alavi (2008). Kemenjadian murid turut sejajar dengan program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) iaitu ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, kepimpinan berkualiti, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu.

#### Pemantapan Profesionalisme Keguruan

Impak pembelajaran berpusatkan murid juga dapat meningkatkan hubungan murid-guru. Hal demikian merupakan sejajar dengan aspek pemantapan profesionalisme guru. Dalam konteks tersebut, guru menjadi lebih prihatin terhadap prestasi muridnya. Nilai seperti kasih sayang, amanah, bertimbang rasa, adil, ikhlas, sabar, efisien dan sebagainya dapat diterapkan. Ia turut menepati amalan nilai profesionalisme keguruan dalam mencapai matlamat sistem pendidikan negara. Ustazah Mas menjelaskan, guru yang memahami murid lebih mudah mengetahui sama ada mereka faham atau tidak tentang isi pelajaran. Contoh penjelasan beliau *“..kalau secara keseluruhannya memang berpusatkan pelajar ni..lebih membantu kita memahami keadaan murid tu..faham ke tidak..”* (P3/U.Mas /TB1). Guru juga akan sentiasa memberi motivasi kepada murid-murid agar terus berusaha. Ustaz Shah menjelaskan bahawa guru PI perlu mengambil peluang dan ruang menanam serta menyebarkan Akidah dengan sebaiknya kepada murid-murid. Jelas beliau, *“..kita ni kena ambik ruang macam mana kita nak dekat dengan budak..kita boleh sampai dengan budak..kita nak bawak budak macam mana? Macam mana budak nak kenal Allah..dan dia berakhlak mulia..dia ingat pada Allah..”* (P2/U.Shah/TB3).

Di samping itu, impak pembelajaran berpusatkan murid juga dapat merapatkan jurang antara murid dan guru. Hubungan baik antara guru-murid menjadi lebih baik kerana murid-murid lebih yakin bercerita pelbagai masalah mereka kepada guru PI. Menurut ustazah Izyan, *“..Jadi die dengan kite tak tau tak de gap. Dah tak de gap dengan kite. Dah tak de penghalang die akan citer habis dengan kite. Aaa ‘saye tak nak jadi miskin macam ayah saye, saye nak pandai, saye nak bagi mak saye duit, saya nak buat umah untuk mak saye..”* (P5/U.Izyan/TB1). Penjelasan ini membuktikan murid-murid lebih percaya kepada guru-guru dan selesai dengan sikap yang ditunjukkan oleh guru-guru. Perasaan hormat juga akan wujud secara tidak langsung kesan daripada keprihatinan guru-guru di bilik darjah.

Sebagai guru yang prihatin menurut ustaz Shah, perhatian kepada murid-murid di sekolah rendah adalah penting. Sebagai guru, layanan yang adil kepada semua murid adalah perlu diberikan. Ujar beliau,

*“..anak-anak murid kita ni, di peringkat sekolah rendah ni, dia jenis satu yang nak kita beri perhatian..murid-murid sekolah rendah ni perlukan perhatian sebenarnya..ok..bila kita nak bagi perhatian, sebenarnya..kita bagi perhatian kita jangan buat sorang..kita kena buat semua..bila kita nak buat semua..”* (P2/U.Shah /TB1). Kesempatan tersebut juga memberi peluang kepada peserta kajian memberikan nasihat kepada murid-murid sepanjang interaksi antara guru dan murid berlaku. Jelas ustaz Ayyaz, *“..Cara kita bergaul dengan murid-murid pun. Tak boleh cakap lebih kurang ja kan. Sambil-sambil kita dok bersembang. Kita dok bersembang, berbual-bual dengan murid-murid tu sama kita selit sikit nasihat dan sebagainya kepada mereka..”* (P1/U.Ayyaz/TB2).

Pola dapatan impak terhadap pemantapan profesionalisme keguruan turut seiring dengan ciri pembelajaran berpusatkan murid yang disenaraikan oleh Kamarudin dan Siti Hajar (2003) iaitu guru perlu lebih prihatin dengan keperluan murid-murid dsemasa proses PdP dilaksanakan. Dalam usaha memastikan proses penyampaian ilmu menjadi lebih bermakna, guru perlu mempelbagaikan gelagat dalam suasana pembelajaran. Sebagai perantara kepada murid di kelas, profesionalisme sebagai guru juga menjadikan mereka sebagai *role model* terbaik kepada anak didik. Matlamat ini jelas dalam usaha membentuk peribadi murid yang seimbang dari aspek akademik mahupun sahsiah seperti yang dijelaskan oleh Zakaria (2012). Pemantapan profesionalisme keguruan juga dapat dikaitkan dengan kawalan kelas secara berkesan dapat diwujudkan hasil daripada sikap dan sifat guru yang profesional dalam menjalankan tugas. Seiring dengan pandangan Fatahiyah (2020), perjalanan P&P akan menjadi lebih fleksibel dalam suasana terkawal.

#### KESIMPULAN

Kajian kes ini meneroka berkaitan elemen-elemen utama dalam pembelajaran berpusatkan murid tentang Akidah dan impak yang diperolehi daripada pelaksanaan pembelajaran tersebut. Dapatan kajian menjelaskan terdapat tiga elemen utama yang diperolehi daripada proses pembelajaran berpusatkan murid yang sesuai dengan keperluan masa kini iaitu ruang berfikir, interaksi dua hala dan kolaboratif. Proses pembelajaran tersebut turut memberi impak kepada guru iaitu dari aspek pemeraksanaan budaya intelek, pembentukan insan kamil dan pemantapan profesionalisme keguruan. Pembelajaran berpusatkan murid dalam Akidah memberi ruang kepada murid agar lebih mendalami ilmu di samping mendapat bimbingan guru sebagai sumber ilmu seterusnya boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ilmu Akidah yang disampaikan juga akan lebih bermakna seterusnya tertanam kukuh dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah turut melatih guru lebih bersedia dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), meningkatkan ilmu guru dan murid seterusnya menggilap potensi diri murid. Cadangan kajian lanjutan adalah sesuai berkaitan bidang ini di mana pengkaji seterusnya perlu mengkaji aspek penghayatan akidah dalam kalangan murid kesan daripada amalan pembelajaran berkesan di kelas. Penghayatan akidah adalah perlu diteliti agar murid-murid sekolah dapat diterapkan tunjang agama Islam yang kukuh dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar kini.

#### RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri. (2016). Keberkesanan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran PI. In Mohd Farid Shahrani & Nor Hartini Saari (Eds.), *Guru Cemerlang PI Persediaan dan Cabaran* (Pertama, pp. 1–30). Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. (2003). *Panduan Mengajar Akidah kepada kanak-kanak*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Munawar Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam PI*.
- Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah guru Cemerlang pendidikan Islam: Satu kajian Kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Asmar, A. R. (2001). *An-Nabiyyu al-Murabbi*. Irbid Jordan: Dar al-Furqan li-An-Nasr Wa-Tauzi'.
- al-Syaibani, O. M. al-T. (1979). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: Al-Mansya'ah al-Sya'biyyah li al-Nasyr wa al-Tauzi wa l'lan.
- al-Zendani, A. M. (2008). *Book of Tawheed: The oneness of Allah*. London: Al-Firdaus Ltd.
- Alavi, H. R. (2008). Nearness to God: A Perspective on Islamic Education. *Religious Education*, 103(1), 5–21.
- Bazliah Naziri. (2012). *Israiliyyat: Kajian Kefahaman Guru-Guru PI di Sekolah-Sekolah Menengah Zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Universiti Malaya.
- Burden, P. ., & Byrd, D. M. (2003). *Methods for effective teaching*. Boston: Allyn & Bacon.
- Che Pee @ Che Hanapi Saad. (1983). *Satu Kajian perbandingan tiga Kaedah pengajaran Tauhid di maktab Perguruan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Corbin, J., & Strauss., A. (2008). *Basics of Qualitative Research*. Thousand Oaks CA: Sage. Hannafin.
- Creswell, J. W., & Miller, D. L. (2000). *Determining validity in qualitative inquiry*.
- Fatahiyah Elias. (2020). *Amalan Guru tentang Pendekatan berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah untuk Pembelajaran Murid*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John Dewey. (1993). *Problem Based Learning* (2nd ed.; R. Arend, Ed.). New York: Mc Graw Hill. Inc.
- Kamarudin Husin, & Siti Hajar Abdul Aziz. (2003). *Pedagogi: Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Norzuliana, & Aslam Farhana. (2018). Isu dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis. dalam. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK3)*, 141–148.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study application in education. Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis, & Mohd Aderi Che Noh. (2018). Keberkesanan Pengajaran Kurikulum Akidah Dalam PI Berasaskan Kemahiran Berfikir Analitikal Di Sekolah Menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civikization (ACER-J)*, 2(1), 15–34. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/33>
- Mohd Aderi Che Noh, & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93–109.
- Mohd Farid Shahrani. (2016). *Cabaran dan langkah pemantapan guru mata pelajaran PI*. Dlm. Mohd Farid Mohd Shahrani & Nor Hartini Saari (pnyt.). *Guru Cemerlang PI: Persediaan dan Cabaran* (Mohd Farid Shahrani & Hartini Saari, Eds.). Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kasim. (2017). Konsep Pengajaran Akidah Kepada Kanak-kanak Menurut Al-Quran dan Imam Ghazali Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 10, 83–93.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2015). *Pengaruh Tahap Kepercayaan Epistemologi Islam dan Tahap Konsep Kendiri Terhadap Tahap Amalan Pengajaran Guru PI*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Beverly Hills: Sage.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussein, & Adesile M. Imran. (2014). Hikmah (wisdom) Pedagogy and Students' Thinking and Reasoning Abilities. *Intellectual Discourse*, 22(2), 119–138. <https://doi.org/2289-5639>
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, Zetty Norzuliana, Muhammad Izzat Ngah, & Abdul Muki Baharuddin. (2018). Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Satu Sorotan di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK3)*, 33–39.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: sejarah, sistem dan falsafah* (Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1989). *The Concept of Knowledge in Islam and Its Implications for WEducation in a Developing Country*. London and New York: Mansell Publishing Ltd.
- Withall, J. (1985). *Teacher-Centred and Learner Centred Instruction*. Oxford: Pergamon 9.
- Zakaria Abdullah. (2012). *Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam PI di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan

Malaysia.

Fatahiyah Elias  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: fatahiyahelias@ipda.edu.my

Mohd Isa Hamzah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: isa@ukm.edu.my

Khadijah Abdul Razak  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: khadijah.razak@ukm.edu.my

\*Pengarang untuk surat-menyurat, emel: isa@ukm.edu.my